

## **BAB 2**

### **ISLAM DALAM POLITIK PAKISTAN**

Berdasarkan kepada konsep negara Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah, akan dibincangkan sama ada Pakistan merupakan negara Islam yang didasarkan kepada politik Islam yang tulen atau sebaliknya. Aspek yang akan diberikan perhatian utama adalah berkenaan dengan peranan tokoh-tokoh penting negara dalam merealisasikan penubuhan Pakistan yang secara langsung menentukan hala tuju politik negara tersebut.

#### **Islam Dalam Politik Pakistan Dari Konteks Peranan Tokoh Politik Sebelum 1947**

Negara Pakistan yang ditubuhkan atas dasar ideologi Islam ini telah cuba untuk mengimplimenterkan Islam dalam politiknya. Dalam melihat kewujudan Pakistan ini, sumbangan beberapa negarawan harus diberi perhatian. Mereka merupakan antara ‘mastermind’ di sebalik penubuhan Pakistan kerana pemikiran politik mereka yang kemudiannya menjadi panduan kepada perkembangan negara ini. Antara tokoh-tokoh yang diberi tumpuan sebelum kemerdekaan Pakistan seperti Sayyid Ahmad Khan (1817-1898), Muhammad Iqbal (1877-1938), Muhammad Ali Jinnah (1876-1948), dan Sayyid Abul A’ala al-Maududi (1903-1979).

### **Sayyid Ahmad Khan (1817-1898)**

Sayyid Ahmad Khan dilahirkan di Delhi pada tahun 1817 dengan mendapat pendidikan awal Islam serta mempelajari bidang astronomi, matematik, dan perubatan. Pada tahun 1838, beliau telah memegang jawatan hakim rendah dalam pertubuhan Syarikat India Timur.<sup>85</sup> Dari segi sumbangannya kepada penubuhan Pakistan beliau dirujuk sebagai ‘Renaissance Muslim Leader’ yang menyokong idea modenisasi dan pro-barat tanpa meninggalkan Islam.<sup>86</sup>

Sayyid Ahmad Khan dianggap pelopor gerakan modenis India. Pada peringkat awal perjuangannya, beliau cuba meyakinkan pihak British bahawa orang Islam tidak pernah mengancam kekuasaan British dan British tidak perlu berasa tertekan. Kesempatan mengunjungi England dan tinggal di sana selama 17 bulan telah membuatkan beliau terlalu kagum dengan tamadun barat sehingga tidak teragak-agak mengajak masyarakat Islam India menerima segala ilmu tamadun itu.<sup>87</sup>

Tumpuan modenisma Sayyid Ahmad Khan meliputi tiga aspek iaitu pendidikan, agama, dan politik. Dari tahun 1859 hingga saat kematiannya pada tahun 1898, beliau begitu prihatin terhadap masalah pendidikan masyarakat Islam di India. Bermula pada tahun 1868 beliau mula mengadaptasi cara kehidupan barat dan menjalankan hubungan sosial yang erat dengan British. Sayyid Ahmad Khan menggambarkan pemerintahan British di India “as the most wonderful phenomenon

<sup>85</sup> Freeland Abbott, Islam and Pakistan, hlm. 122-123.

<sup>86</sup> Robert D. Campbell, Pakistan Emerging Democracy, : New York : D. Van Nostrand Company, Inc., 1963, hlm. 12.

<sup>87</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah dan Aliran, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 114 -115.

the world has ever seen”, dan kesetiaan padanya diibaratkan “springs not from servile submission to a foreign rule, but from genuine appreciation of the blessing of good government.”<sup>88</sup>

Melalui program pendidikan, Sayyid Ahmad Khan cuba mengubah tahap intelektual masyarakat Islam dengan menubuhkan beberapa institusi. Persatuan Saintifik telah diasaskan oleh beliau pada tahun 1864 yang mula memperkenalkan ilmu sains barat di kalangan penduduk Islam India. Persatuan ini berfungsi melakukan tugas penterjemahan bahan-bahan sains fizikal ke dalam bahasa Urdu dan menerbitkan jurnal-jurnal dwibahasa. Pada tahun 1864 pula, beliau menubuhkan Sekolah Moden di Ghazipur dan pada tahun 1868 menubuhkan Persatuan Pendidikan di beberapa daerah di utara India.<sup>89</sup>

Melalui sokongan yang diberikan oleh British, pada tahun 1878 Sayyid Ahmad Khan menubuhkan Muhammadan Anglo Oriental College (MAOC) di Aligarh yang berdasarkan model Universiti Oxford dan Cambridge. Kolej ini dinaikkan taraf menjadi University Aligarh pada tahun 1920. Sesuai dengan semangat modenisme yang dianutinya, sistem pendidikan di kolej ini juga bercorak sekular dan liberal.<sup>90</sup>

Sistem pendidikan Sayyid Ahmad Khan dikritik kerana mempunyai dua kelemahan besar iaitu bersifat sekular dan dualisme. Walaupun agama masih diajar sebagai salah satu daripada mata pelajaran, tetapi ia terpisah daripada ilmu-ilmu lain

<sup>88</sup> Aziz Ahmad, Islamic Modernism in India and Pakistan 1857-1964, hlm. 31-33.

<sup>89</sup> Ibid, hlm. 37.

<sup>90</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah dan Aliran, hlm. 117.

yang didasarkan kepada semangat materialisme. Peraturan kolej yang meletakkan bahawa pengetua mestilah seorang yang berbangsa British dan sekurang-kurangnya dengan dua orang guru daripada bangsa yang sama, telah mendapat tentangan para *ulama*. Keduanya, walaupun Sayyid Ahmad Khan berpendapat bahawa kemajuan barat terletak pada sains dan teknologi tetapi yang diajar di Aligarh hanyalah subjek bahasa dan sastera yang telah melahirkan para sasterawan dan bukanlah ahli sains dan teknologi yang begitu diperlukan oleh masyarakat Islam di India.<sup>91</sup>

Keghairahan mengintelektualkan masyarakat Islam di India menyebabkan Sayyid Ahmad Khan mengasaskan Mohammadan Anglo Oriental Educational Conference (MAOEC) pada tahun 1886 dengan tujuan memperkenalkan pendidikan barat pada peringkat umum, memperkayakan penggunaan bahasa Urdu melalui penterjemahan kerja-kerja saintifik, percubaan meletakkan bahasa Urdu sebagai bahasa kedua dalam pentadbiran, memperkenalkan pendidikan wanita, dan merumus kembali polisi pendidikan tinggi untuk pelajar Islam di Eropah.<sup>92</sup>

Selain menubuhkan sekolah dan persatuan, Sayyid Ahmad Khan juga menyuntik pemikiran kebaratannya ke dalam jurnal *Tahzib al-Akhlaq* yang diterbitkan oleh beliau sendiri. Artikel-artikel jurnal ini mengutarakan isu kebersihan awam hingga ke rasionalisme dalam dogma agama. *Tahzib al-Akhlaq* merupakan jurnal yang telah membawa perubahan kepada masyarakat Islam di India.<sup>93</sup>

<sup>91</sup> Ibid, hlm. 118.

<sup>92</sup> Aziz Ahmad, *Islamic Modernism in India and Pakistan 1857-1964*, hlm. 37.

<sup>93</sup> Ibid, hlm. 38.

Daripada sudut agama, percubaan Sayyid Ahmad Khan yang paling penting sekali adalah usahanya untuk mentafsir al-Quran berasaskan semangat modenisma Barat, iaitu yang dipetik daripada nilai-nilai rasionalisme, materialisma, saintisma, relativisma, evolusionisma, dan sebagainya. Berasaskan semangat naturalisma misalnya, beliau menyatakan tidak ada pertentangan antara ‘the word of God’ dengan ‘the work of God’ iaitu di antara ayat-ayat al-Quran dengan hukum-hukum alam. Jikalau wujud pertentangan perlulah diadakan penyesuaian antara kedua-duanya.<sup>94</sup> Akibat kuatnya pandangan Sayyid Ahmad Khan pada hukum sebab dan akibat, beliau dianggap kafir oleh sesetengah *ulama* Islam. Menurut para *ulama*, percaya kepada faham naturalisma dan materialisma boleh membawa kepada keyakinan tidak adanya tuhan. Kepadanya diberikan nama *Nechari* yang bererti ‘nature’ dalam bahasa Inggeris.<sup>95</sup> Kelahiran diri masyarakat Islam moden di benua India dikatakan bermula dengan teori tafsir al-Quran yang ditulis oleh beliau pada tahun 1880-1895.<sup>96</sup>

Oleh kerana pemujaan terhadap ilmu pengetahuan barat yang berlebihan, Sayyid Ahmad Khan mula menolak konsep yang terkandung dalam al-Quran antaranya, konsep mukjizat Islam yang khususnya dianugerahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Beliau juga menolak hukum Islam yang dianggap tidak sesuai lagi pada zaman moden seperti hukum *hudud*.<sup>97</sup> Menurutnya hukuman seperti ini hanya sesuai kepada masyarakat primitif yang belum mengenali atau kekurangan penjara.<sup>98</sup> Selain itu, menurut beliau juga doa bertujuan untuk merasakan kehadiran tuhan dan

<sup>94</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah dan Aliran, hlm. 116.

<sup>95</sup> Harun Nasution, Pembaharuan Dalam Islam : Sejarah Pemikiran dan Gerakan, Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, 1975, hlm. 173.

<sup>96</sup> Aziz Ahmad dan G. E. Von Grunebaum, Muslim Self-Statement in India and Pakistan 1857-1968, Wiesbaden : Otto Harrassowitz, 1970, hlm. 25.

<sup>97</sup> Hukuman yang dijalankan berdasarkan Undang-Undang Syariah Islam yang melibatkan kesalahan mencuri dan berzina. Hukuman potong tangan untuk mencuri dan direjam dengan batu untuk kesalahan berzina.

<sup>98</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah dan Aliran, hlm. 116-117.

baginya doa itu tidak pernah dikabulkan oleh tuhan, hanyalah semata-mata untuk ketenteraman jiwa. Pendapat ini adalah amat sesuai dengan faham liberal yang dianutinya. Walaupun kehadiran beliau disanjungi di kalangan intelektual Islam India namun, reaksi sebaliknya pula wujud di kalangan para *ulama* Islam yang menentang sekeras-kerasnya faham liberal ini.<sup>99</sup>

Mengkaji pemikiran politik Sayyid Ahmad Khan, beliau dikatakan sebagai duri dalam daging kepada gerakan nasionalisma India dan perjuangan *jihad* Islam. Ini kerana beliau berpaling dari sokongan awalnya kepada gerakan nasionalisma India dengan alasan bahawa umat Islam belum sampai ke tahap yang membolehkan mereka mencapai keuntungan daripada politik. Menurutnya juga, pendidikan sahaja merupakan jalan untuk umat Islam mencapai kemajuan.<sup>100</sup>

Idea-idea Sayyid Ahmad Khan telah mendapat tentangan hebat daripada Sayyid Jamaluddin al-Afghani dalam bukunya *Refutation of the Materialist* dan sebuah jurnal berbahasa Perancis iaitu *al-urwa al-wuthqa*. Kedua-dua hasil karya Sayyid Jamaluddin ini telah mengkritik Sayyid Ahmad Khan yang menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat Islam terhadap dogma-dogma agama, melemahkan semangat penduduk Islam, menanamkan kesetiaan kepada British, dan mengajak penduduk menolak agama serta menyingkirkan nilai-nilai keislaman itu daripada mereka sedikit demi sedikit. Sayyid Jamaluddin juga menentang kepercayaan Sayyid

<sup>99</sup> Harun Nasution, Pembaharuan Dalam Islam : Sejarah Pemikiran dan Gerakan, hlm. 175-176.

<sup>100</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah dan Aliran, hlm. 118.

Ahmad Khan yang bekerjasama dengan British yang menurutnya mengancam warisan Islam di India.<sup>101</sup>

### **Muhammad Iqbal (1877-1938)**

Muhammad Iqbal dilahirkan di Sialkot, Punjab pada tahun 1873. Keluarganya berasal daripada golongan *Brahmin* di Kashmir yang menganut agama Islam pada abad ke-17. Pendidikan awal telah diperolehi daripada sekolah mubaligh tempatan dan kemudiannya ke Scotch Mission College serta Kolej Kerajaan di Lahore. Pada tahun 1899, Muhammad Iqbal mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang falsafah dan bertugas sebagai pensyarah di Oriental College Lahore dan di Kolej Kerajaan.<sup>102</sup>

Iqbal adalah orang yang pertama melihat matlamat kewujudan Pakistan. Beliau telah memperkenalkan revolusi intelektual di kalangan masyarakat Islam yang kemudiannya mengumumkan kemunculan Islam sebagai kuasa politik yang berasingan dalam usaha mencapai visinya. Beliau juga menuntut masa depan Islam, dengan budaya dan spiritual yang nyata dalam tanah air yang berasingan daripada India. Semasa mempengaruhi sesi perjumpaan Liga Muslim di Allahabad pada tahun 1930, beliau menyatakan “Saya ingin melihat Punjab, NWF, Sind, dan Baluchistan bergabung menjadi satu negara...”<sup>103</sup>

<sup>101</sup> Suroosh Irfani, “The Progressive Islamic Movement”, dlm. Mohammad Asghar Khan (ed.), *Islam, Politics and the State : The Pakistan Experience*, London : Zed Book Ltd., 1985, hlm. 37.

<sup>102</sup> Donald N. Wilber, *Pakistan : Yesterday and Today*, him. 100-101.

<sup>103</sup> Abdul Qayyum, “Jinnah and Islam”, dlm. Sheila Mc Donough (ed.), *Mohammed Ali Jinnah : Maker of Modern Pakistan*, Massachusetts : D. C. Heath and Company, 1970, hlm. 16.

Muhammad Iqbal adalah seorang reformis Islam yang lebih dikenali sebagai ahli falsafah dan pemikir besar. Beliau cuba memberikan kefahaman yang lebih jitu kepada umat Islam India yang nyatanya lemah dari sudut material mahupun spiritual. Beliau juga berusaha mengembalikan kehidupan masyarakat Islam berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang tulen dalam menghadapi dunia nyata, sesuai dengan ajaran al-Quran.<sup>104</sup>

Berbeza dengan Sayyid Ahmad Khan dari sudut pembaharuan, Iqbal tidak berpendapat bahawa baratlah yang harus dijadikan model. Barat baginya banyak dipengaruhi oleh materialisme dan telah mulai meninggalkan agama. Apa yang harus diambil umat Islam dari Barat hanyalah ilmu pengetahuannya. Menurut Iqbal lagi, Islam mengajarkan dinamisma iaitu al-Quran sentiasa mengajukan penggunaan akal terhadap ayat atau tanda yang terdapat dalam alam. Faham dinamisma Islam yang ditonjolkan oleh Iqbal menyebabkan beliau mempunyai kedudukan penting dalam pembaharuan India.<sup>105</sup>

### **Muhammad Ali Jinnah (1876-1948)**

Muhammad Ali Jinnah dilahirkan di Karachi pada tahun 1876 dalam keluarga pedagang. Semasa usianya 16 tahun beliau telah dihantar ke England untuk menyambung pelajaran. Sekembalinya ke India pada tahun 1896 beliau telah dilantik sebagai pengamal undang-undang. Keterlibatannya dalam arena politik India kemudiannya menyebabkan beliau digelar ‘Ambassador of Hindu-Muslim Unity’.

---

<sup>104</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah dan Aliran, hlm. 247-248.

<sup>105</sup> Harun Nasution, Pembaharuan Dalam Islam : Sejarah Perkembangan dan Gerakan, hlm. 197-198.

Gelaran ini diberikan lantaran peranannya menyatukan kelompok majoriti Hindu dan Islam di India melalui Perjanjian Lucknow yang telah memberikan kawasan pengundian berasingan kepada masyarakat Islam yang sekaligus memberi peluang kepada dua komuniti ini berada di arena politik dan pemerintahan.

Muhammad Ali Jinnah telah membangunkan idea Pakistan yang dicadangkan oleh Sayyid Ahmad Khan dan idea Iqbal yang menyatakan Hindu dan Islam di benua India patut menubuhkan dua negara yang berasingan. Iqbal telah membawa idea bahawa Pakistan semestinya merupakan negara berdaulat dengan hak-hak tersendiri dan setiap bentuk Persekutuan India dan Pakistan merupakan sesuatu yang mustahil dan idea ini telah direalisasikan oleh Jinnah.<sup>106</sup>

Sekembalinya dari London pada tahun 1896, beliau menyertai Parti Kongres Nasional India. Kepatuhan kepada pemerintah British yang terdapat dalam objektif penubuhan Liga Muslim tidak sesuai dengan jiwanya. Sebaliknya, rentak nasionalisma India yang terdapat dalam Parti Kongres menjadi pilihan beliau. Namun, pada tahun 1913 Jinnah kembali kepada Liga Muslim setelah Liga Muslim membawa idea tersendiri yang terpisah daripada British dan beliau kemudiannya dilantik menjadi Presiden.

Perjanjian Lucknow pada tahun 1916 membolehkan masyarakat Islam memperolehi daerah pengundian berasingan dan ketentuan ini akan dicantumkan dengan Undang-Undang Dasar India yang akan disusun kemudiannya. Namun,

---

<sup>106</sup> Aziz Ahmad dan G. E. Von Grunebaum, Muslim Self-Statement in India and Pakistan 1857-1968, hlm. 153.

kenyataan Gandhi akan konsep nasionalisma India yang di dalamnya terdapat masyarakat Hindu dan Islam yang bergabung menjadi satu bangsa membuatkan Muhammad Ali Jinnah menolak Parti Kongres. Kekecewaan Jinnah terhadap politik membuatkan beliau pergi ke London pada tahun 1930 hingga tahun 1932 namun, atas desakan kawan-kawannya, beliau kembali semula ke India pada tahun 1934 untuk menjadi Ketua Tetap Liga Muslim yang di bawahnya menjadi parti gerakan rakyat yang kuat.

Kekecewaan Jinnah berulang lagi apabila parti Liga Muslim telah mengalami kekalahan dalam pilihanraya pada tahun 1937. Ini ditambah pula dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Nehru bahawa yang ada di India hanya dua kekuatan iaitu pemerintahan Inggeris dan Parti Kongres. Keadaan ini menyebabkan Jinnah mengubah haluan politiknya kerana hilangnya kepercayaan terhadap Parti Kongres dan timbul semangat dalam dirinya bahawa kepentingan umat Islam di India tidak boleh lagi dijamin melalui perundingan dan percantuman hasil perundingan dalam Undang-Undang Dasar yang akan disusun. Kepentingan umat Islam hanya boleh dijamin melalui pembentukan negara sendiri yang terpisah dari negara Hindu di India. Resolusi untuk mewujudkan negara sendiri yang dinamakan Pakistan diutarkan semasa perjumpaan Liga Muslim di Lahore pada tahun 1940.<sup>107</sup>

Bagaimanapun, imej Jinnah sebagai seorang pemimpin tidak boleh dibanggakan kerana beliau tidak mempunyai ciri-ciri pemimpin Islam yang sejati<sup>108</sup>

<sup>107</sup> Harun Nasution, Pembaharuan Dalam Islam : Sejarah Perkembangan dan Gerakan, him. 200-202.

<sup>108</sup> Pemimpin yang ditakrifkan dalam al-Quran adalah yang bertanggungjawab untuk memaknurkan, memperbaiki, menegakkan keadilan, mententeramkan serta berkesanggupan pula untuk meningkatkan martabat insan dan menjalankan apa yang dihalalkan dan menjauhi apa yang dilarang oleh al-Quran.

dan juga bersikap realis serta tidak menggunakan unsur agama dalam sebarang percakapan atau ucapannya. Selain itu, beliau boleh dikatakan sebagai pemimpin yang aristokratik melalui sikap dan pandangannya yang lebih cenderung kepada barat.<sup>109</sup>

Jinnah telah memulakan kerjaya politiknya sebagai pejuang yang menyatukan masyarakat Hindu dan Islam seperti yang berlaku dalam Perjanjian Lucknow pada tahun 1916. Namun, sekembalinya beliau menyertai Liga Muslim 20 tahun kemudiannya, tidak ada lagi perjuangan untuk menyatukan kedua bangsa ini. Beliau mula beralih prinsip dengan memperjuangkan nasib penduduk Islam di India kerana melihat mereka tidak mempunyai masa depan yang cerah dalam kesatuan India.<sup>110</sup>

Muhammad Ali Jinnah merupakan seorang yang liberal dan kebaratan jika ditinjau dari sudut kehidupan peribadinya. Ini terbukti apabila beliau sendiri telah mengahwini seorang perempuan berbangsa Parsi walaupun berhadapan dengan tentangan keluarga dan larangan perkahwinan campur dalam masyarakatnya. Beliau juga telah melantik Nath Mandas yang beragama Hindu dalam menyediakan rang kabinet pertama Pakistan. Malahan, ucapan-ucapan Jinnah sendiri jelas membuktikan bahawa beliau adalah pemimpin yang sekular antaranya ;

*"we are starting with the fundamental principle that we are all citizens and equal citizen of one state...Now I think that we should keep that in front of us as our ideal, and you will find that in due course of time Hindus would cease to be Hindus and Muslims would cease to be Muslim, not in the religious sense,*

---

dan al-Sunnah. Shafie Hj. Mohd. Salleh dan Mohd Affandi Hassan, Kecemerlangan Pentadbiran : Dasar dan Amalan Dalam Islam, Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara, 1990, hlm. 102.

<sup>109</sup> Wm. Theodore de Bary, Sources of Indian Tradition, hlm. 282.

<sup>110</sup> Muhammad Asghar Khan (ed.), Islam, Politics and the State : The Pakistan Experience, London : Zed Books Ltd. 1985, hlm. 170.

because that is the personal faith of each individual but in the political sense as citizen of the state...you may belong to any religion or caste or creed – that has nothing to do with the business of the state.”<sup>111</sup>

Sikap sekular Muhammad Ali Jinnah lebih jelas apabila beliau menyatakan keinginannya untuk mewujudkan Pakistan yang mengamalkan demokrasi gaya barat ;

“The new state would be a modern democratic state with sovereignty resting in the people and the members of the new nation having equal rights of citizenship regardless of their religion, caste or creed.”<sup>112</sup>

Melalui kenyataan-kenyataan ini jelaslah bahawa pengasas negara Pakistan itu sebenarnya seorang yang berfikiran sekular dan kehidupannya lebih cenderung kepada dunia barat.

#### **Sayyid Abul A'ala al-Maududi (1903-1979)**

Sayyid Abul A'ala al-Maududi dilahirkan di Aurangzeb Hyderabad-Deccan. Beliau telah mendapat pendidikan awal Islam melalui didikan ayahnya dan kemudian menceburkan diri dalam bidang kewartawanan sehingga memegang jawatan sebagai editor *Al-Jam'iyyat* iaitu saluran *Jam'iyyat al-ulama-i-Hind*. Pada masa yang sama beliau telah memberi sokongan kepada Pergerakan Khilafat dan ‘Gerakan Tidak Bekerjasama’ (Non-Violent Coorporation). Pada tahun 1933, Maududi menjadi editor *Tarjuman al-Quran* yang digunakan untuk menentang pengaruh barat terhadap masyarakat Islam dan menentang kedua-dua nasionalisma India dan nasionalisme Islam dalam Liga Muslim. Beliau juga pernah menyandang jawatan Dekan Fakulti Teologi, Kolej Islam Lahore. Pada bulan Ogos 1941, Maududi dan beberapa orang

---

<sup>111</sup> Ibid.

<sup>112</sup> Ibid.

tokoh yang sealiran dengannya telah menubuhkan gerakan *Jamaat-i-Islami* (Persatuan Islam).<sup>113</sup>

Dari tahun 1939 hingga tahun 1947 Maududi terus menentang Pergerakan Pakistan kerana baginya tanah air untuk masyarakat Islam adalah berbeza dengan *dar-ul-Islam*. Beliau tidak berjuang untuk pembebasan politik tetapi mempertahankan Islam yang tulen dan keagamaan yang bersifat tradisionalis-fundamentalis. Pakistan yang dibayangkan oleh Jinnah dan Liga Muslim menurutnya bukanlah perjuangan Islam yang sebenar. Maududi juga menyatakan untuk menggelarkan Pakistan negara Islam adalah tidak sepatutnya sepetimana untuk melabelkan Universiti Aligarh sebagai universiti Islam ataupun bank di negara baru itu sebagai bank Islam sedangkan Islam mengharamkan *riba* atau faedah. Bagi Maududi, Islam tidak boleh menerima kedudukan sebagai parti politik sahaja.<sup>114</sup>

Perjuangan Maududi ditinjau daripada dua sudut iaitu sebagai seorang pengarang dan pemikir serta seorang pemimpin gerakan Islam. Melalui perjuangannya, beliau menyarankan sikap yang kritis terhadap pengaruh barat iaitu dengan menilai sejauh mana kesesuaianya dengan Islam. Walaupun tamadun barat dapat diterimanya namun, beliau terus mengecam dengan mendedahkan unsur-unsur destruktif yang terkandung dalam tamadun itu yang telah ditegakkan oleh asas-asas sekular, materialistik, rasionalisma, liberalisma, dan sebagainya. Bagi Maududi, tujuan hidup masyarakat barat hanyalah untuk mencapai kejayaan keduniaan dan

<sup>113</sup> Peter Hardy, Partners in Freedom-and True Muslims : The Political Thought of Some Muslim Scholars in British India 1912-1947, Sweden : Studentliterature, 1971, hlm. 197.

<sup>114</sup> Aziz Ahmad, Islamic Modernism in India and Pakistan 1857-1964, hlm. 31.

kebendaan belaka dan di bawah pengaruh tamadun ini juga manusia boleh tergugat aqidah dan keimanan hingga membawa kepada murtad.<sup>115</sup>

Pemikiran politik Maududi amat kontroversi kerana menurutnya semua aspek kehidupan mestilah diasaskan daripada ajaran Islam. Allah sebagai Maha Kuasa ke atas segala sesuatu yang mesti diterima hukum dan peraturan-Nya dalam urusan kehidupan. Jadi, yang dikatakan syirik itu bukan semata-mata menyembah yang lain daripada Allah tetapi juga dengan mengikuti peraturan yang lain daripada yang diturunkan-Nya.<sup>116</sup> Prinsip-prinsip pemerintahan Islam menurut Maududi adalah:<sup>117</sup>

- Puncak segala kekuasaan adalah Allah s.w.t Yang Maha Kuasa. Tidak ada seorang atau golongan pun dalam satu-satu negara yang mengatasi undang-undang yang digubal-Nya.
- Allah s.w.t adalah pemberi hukum dalam erti kata yang sebenarnya. Pada-Nya terletak kekuasaan mutlak yang mengadakan undang-undang. Orang yang beriman adalah terikat erat dengan kekuasaan Allah s.w.t dan mereka tidak mempunyai pilihan melainkan undang-undang ciptaan-Nya.

Menurut kaca mata teori politik moden, pemikiran Maududi mengenai politik terletak pada konsep dasar yang menegaskan bahawa kedaulatan berada di tangan tuhan, bukan manusia. Ini sudah pasti bercanggah dengan sistem demokrasi yang menekankan konsep kedaulatan rakyat dan juga berbeza dengan sistem teokrasi yang meletakkan kekuasaan di tangan para pendeta yang mencipta peraturan dan hukum

<sup>115</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah dan Aliran, hlm. 250-251.

<sup>116</sup> Ibid, hlm. 252.

<sup>117</sup> Mustaffa Haji Daud, Pemikiran Politik Dan Ekonomi Al-Maududi, Mohamed A. Kadir (ed.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 31.

selain peraturan dan hukum tuhan. Perjuangan Maududi sentiasa mendapat tentangan yang hebat daripada pencabar politiknya mahupun pihak pemerintah.<sup>118</sup> Misalnya, sejak tahun 1948 hingga tahun 1950, Maududi terpaksa merengkok dalam penjara. Demikian juga sepanjang pemerintahan rejim Ayub Khan, Yahya Khan, dan Zulfikar Ali Bhutto. Bahkan, pada tahun 1953 beliau pernah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati tetapi dibebaskan atas desakan orang ramai.<sup>119</sup> Bagaimanapun, setelah 30 tahun menerima tekanan rejim nasionalis, akhirnya perjuangan Maududi bersama *Jamaat-i-Islami* mula diberi perhatian sebaik sahaja berlaku rampasan kuasa tentera pimpinan General Zia Ul-Haq. Parti *Jamaat-i-Islami* menjadi pembantu pemerintah yang menjalankan program Islamisasi secara menyeluruh sehingalah beliau meninggal dunia pada tahun 1979.<sup>120</sup>

### **Islam Dalam Politik Pakistan**

Dalam melihat sejauh mana Pakistan merupakan negara Islam yang tulen dari sudut teori dan praktiknya, haruslah diteliti dengan mendalam status Islam itu dalam politik negara sejak awal penubuhannya iaitu dari tahun 1947 hingga tahun 1971 hingga pada tahun 1971 hingga tahun 1977. Selepas tahun 1977, politik Pakistan telah berubah sekali lagi dan perubahan ini telah membawa nafas baru kepada status Islam di Pakistan.

---

<sup>118</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah dan Aliran*, hlm. 253

<sup>119</sup> Ibid, hlm. 249-250.

<sup>120</sup> Ibid, hlm. 253.

## Dekad 1947-1971

Penubuhan Pakistan telah menyelesaikan masalah penubuhan tanah air yang berasingan untuk masyarakat Islam namun, ia dikatakan tidak dapat menyelesaikan masalah identiti.<sup>121</sup> Sebelum tahun 1947, kebanyakan pemimpin Islam mengutarakan idea penubuhan Pakistan tetapi sebaik sahaja negara baru itu ditubuhkan, mereka mendesak supaya ia menjadi lebih Islamik dari segi ciri-cirinya yang bermaksud ketegasan dalam beragama. Ada yang mempercayai bahawa prinsip-prinsip asas Islam patut mengawal polisi Pakistan tetapi ia tidak mungkin kerana dihalang oleh penubuhan masyarakat demokratik yang menyamaratakan semua agama.<sup>122</sup>

Jika ditinjau sejak awal lagi, pengasas Pakistan sendiri iaitu Muhammad Ali Jinnah telah menjelaskan bahawa Pakistan tidak akan menjadi sebuah negara berideologi agama melalui ucapannya ;

“Theocratic state to be ruled by the priests with a divine mission. The constitution would be of a democratic type keeping in mind the essential principles of Islam.”<sup>123</sup>

Ini diikuti pula dengan penjelasan Perdana Menteri Pakistan yang pertama iaitu Liaquat Ali Khan melalui Resolusi Objektif (Objectives Resolution) pada tahun 1949, yang mengakui kedaulatan tuhan melebihi segenap alam tetapi mewakilkannya kepada manusia iaitu negara patut mengamalkan kuasa dan autoriti melalui perwakilan yang dipilih oleh mereka. Menurut beliau juga :

<sup>121</sup> Akhbar S. Ahmed, Living Islam, London : BBC Books, 1993, hlm 122.

<sup>122</sup> Keith Callard, “Law”, dlm. W. Norman Brown (ed.), India, Pakistan, Ceylon, Philadelphia University of Pennsylvania Press, 1960, hlm. 170.

<sup>123</sup> Asaf Hussain, “Islam and Political Integration of Pakistan”, dlm. Raphael Israeli (ed.), The Crescent in the East : Islam in Asia Major, London : Curzon Press, 1982, hlm. 67.

"This is a very essence of democracy, because the people have been recognized as a recipients of all authority and its is in them that the power to wield it has been vested."<sup>124</sup>

Ungkapan ini secara langsung telah memperlihatkan adanya krisis awal sama ada Pakistan patut menjadi negara Islam atau sekular.

Golongan elit agama tetap berpegang bahawa Islamisasi Pakistan adalah berdasarkan al-Quran. Manakala, elit profesional mahukan perubahan dilakukan iaitu negara patutlah didasari kepada sistem parlimen barat tanpa mengambil kira kemampuan negara. Elit industri pula berminat untuk mempertahankan doktrin kapitalis kerana polisi itu dapat menjamin penambahan kekayaan mereka. Selain itu, golongan tuan-tuan tanah yang mendominasi bahagian perundangan negara di peringkat negara mahupun wilayah mahu mempertahankan *status quo* mereka melalui sistem feudal.<sup>125</sup>

Dua sebab yang menimbulkan tanda tanya kepada identiti Islam di Pakistan adalah Perlembagaan tahun 1956 dan Pemberontakan anti-Ahmadiyah semasa dekad pertama kewujudan Pakistan. Proses untuk membentuk satu rangka perlembagaan yang pertama memakan masa selama sembilan tahun. Dalam Perlembagaan tahun 1956, dua model yang dihujahkan untuk penubuhan Pakistan ialah 1) Negara Islam tradisi yang diawasi oleh *syariah* dan meliputi seluruh aspek kehidupan atau 2) Negara bangsa moden yang berdasarkan pada kod-kod undang-undang barat dengan pendekatan sekular. Perlembagaan tahun 1956 telah meletakkan negara sebagai Republik Islam Pakistan. Ia juga merupakan negara demokratik yang berdasarkan

---

<sup>124</sup> Ibid.

<sup>125</sup> Ibid, hlm. 68.

prinsip Islam dan ketua negara mestilah beragama Islam. Akhirnya apa yang dikenali sebagai ‘repugnancy clause’ menentukan bahawa tidak ada undang-undang yang diluluskan boleh berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah.<sup>126</sup>

Bagaimanapun, ‘repugnancy clause’ ini tidak jelas sama ada sekatannya diwajibkan oleh mahkamah atau hanya sebagai nasihat kepada pembuat undang-undang. Presiden pertama di bawah perlembagaan ini iaitu Iskander Mirza, dikatakan seorang yang sekular. Selepas rampasan kuasanya pada tahun 1958, beliau telah mengumumkan ‘Republik Islam Pakistan’ itu ditukar namanya kepada ‘Pakistan’ sahaja.<sup>127</sup>

Perlembagaan Pakistan yang kedua dibentuk pada akhir rejim ketenteraan (1958-1962). Ia memperlihatkan bayangan penyingkir golongan tradisionalis oleh golongan modenis walaupun kebanyakan daripada fasal-fasal Islam dalam perlembagaan yang pertama itu masih dikekalkan dengan perubahan yang kecil.<sup>128</sup> Pengumuman Undang-Undang Ketenteraan pada tahun 1958 oleh Muhammad Ayub Khan pula telah menyebabkan Republik Islam Pakistan dikenali sebagai Pakistan sahaja.<sup>129</sup> Dengan penubuhan Republik Kedua Pakistan pada tahun 1962, di bawah tekanan parti pembangkang, Parti Liga Muslim yang dipimpin oleh Muhammad Ayub Khan membuat keputusan untuk menyemak semula perlembagaan Pakistan dan cuba memberikannya wajah yang lebih Islamik secara teorinya. Pakistan sekali lagi

<sup>126</sup> John L. Esposito, “Pakistan : Quest for Islamic Identity”, dlm. John L. Esposito (ed.), Islam and Development Religion and Sociopolitical Change, New York : Syracuse University Press, 1980, hlm. 142-143.

<sup>127</sup> Keith Callard, “Law”, dlm. W. Norman Brown (ed.) India, Pakistan, Ceylon, hlm. 170.

<sup>128</sup> Aziz Ahmad dan G. E. Von Grunebaum, Muslim Self-Statement in India and Pakistan 1857-1968, hlm. 314.

<sup>129</sup> Kemal A. Faruki, “Pakistan : Islamic Government and Society”, dlm. John L. Esposito (ed.), Islam in Asia, New York : Oxford University Press, 1987, hlm. 55.

dinamakan sebagai Republik Islam dan beberapa fasal mengenai agama di perkenalkan untuk membuatkannya lebih Islamik.<sup>130</sup>

Bagaimanapun, perlombagaan yang dinyatakan menimbulkan kekeliruan pemahaman. Terdapat kepelbagaian unsur dalam ketiga-tiga perlombagaan ini contohnya terhadap unsur alkohol. Satu perlombagaan merujuk untuk ‘menghalang’ penggunaannya, dan seterusnya merujuk sebagai ‘larangan’. Kepelbagaian juga wujud terhadap pemerintahan Islam. Pada mulanya di atas ‘menyediakan kemudahan’, pada masa yang lain ‘membenarkan’ dan seterusnya ‘paksaan’. Sebenarnya semua ini adalah kesinambungan dokumen yang sama. Walaupun berlakunya pindaan perlombagaan sebanyak tiga kali yang membawa perubahan ke atasnya namun, masih terdapat elemen-elemen keislaman yang umum antara ketigatiganya iaitu :<sup>131</sup>

- 1 Pengiktirafan kedaulatan Allah Yang Esa melebihi segala yang ada, diikuti dengan keyakinan bahawa kehidupan dunia di Pakistan adalah dalam had-had yang digambarkan melalui undang-undang Allah ;
- 2 Keinginan penduduk untuk mengimplementasikan prinsip-prinsip demokrasi, kebebasan, kesamarataan dan keadilan sosial sebagai lahiran dari Islam ;
- 3 Masyarakat Islam patut bersedia menerajui diri mereka dan kehidupan supaya bersesuaian dengan prinsip Islam ;

---

<sup>130</sup> Aziz Ahmad dan G. E. Von Grunebaum, Muslim Self-Statement in India and Pakistan 1857-1968, hlm. 218.

<sup>131</sup> Kemal A. Faruki, “Pakistan : Islamic Government and Society”, hlm. 56.

- 4 Kemudahan patut disediakan kepada masyarakat Islam untuk mereka memahami makna kehidupan dalam penyesuaian dengan prinsip-prinsip Islam;
- 5 Pengajaran *Islamiyat* (kursus Islam) kepada masyarakat Islam;
- 6 Amalan-amalan moral Islam yang seragam ;
- 7 Organisasi *zakat* yang lebih sesuai, pendermaan dalam agama (*arqaf*) dan masjid ;
- 8 Menghalang pelacuran dan perjudian ;
- 9 Menghalang pengguguran, minuman keras ;
- 10 Penghapusan *riba* ; dan
- 11 Penghapusan undang-undang yang bercanggah dengan Islam.

Pemberontakan anti-Ahmadiyah pada tahun 1953 di Punjab telah menyebabkan timbulnya debat agama yang hebat. Kerajaan mengumumkan mazhab moden Ahmadiyah<sup>132</sup> yang baru muncul itu sebagai minoriti bukan Islam. Ketua-ketua agama mendakwa minoriti bukan Islam tidak boleh memberikan komitmen dalam negara yang berideologi Islam dan juga tidak boleh memegang peranan dalam membuat sebarang polisi. Ini menyebabkan Zafrullah Khan yang memegang jawatan Menteri Luar Pakistan dan pegawai-pegawai kerajaan Ahmadiyah ditolak daripada jawatan mereka. Lanjutan daripada itu berlakunya rusuhan dan pembunuhan golongan Ahmadiyah.<sup>133</sup> Keadaan ini berlaku kerana identiti Islam yang begitu sukar

---

<sup>132</sup> Ahmadiyah dipelopori oleh Mirza Ghulam Ahmad (1835-1908) yang telah mendakwa dirinya sebagai Pesuruh Allah dan menolak Muhammad s.a.w sebagai Pesuruh yang Terakhir (*khaim al-nubuwat*). Dikenali juga sebagai Qadianis sempena nama tempat asalnya dari Qadiyan di daerah Gusdaspur di Punjab. Peter Hardy, Partners in Freedom-and True Muslim : The Political Thought of Some Muslim Schollars in British India 1912-1947, hlm. 50.

<sup>133</sup> John L. Esposito, "Pakistan : Quest For Islamic Identity", hlm. 144.

difahami sehingga muncul soalan-soalan utama iaitu apakah itu Islam dan siapakah yang dikatakan Islam?

Perlembagaan yang digubal pada tahun 1956 juga menyebabkan timbulnya pertentangan di antara golongan modenis dan tradisionalis. Golongan tradisionalis menganjurkan negara Islam yang keseluruhannya mengimplementasikan *syariah* dalam kehidupan dan menyelesaikan sistem undang-undang iaitu tiada undang-undang yang boleh berlawanan dengan Islam. Kaum modenis pula menyatakan fasal-fasal Islam itu boleh menyebabkan sedikit kesulitan. Soalan-soalan perlembagaan ini masih belum terjawab sehingga kini.<sup>134</sup>

Pada abad ke-20, terdapat dua aliran pergerakan masyarakat Islam di Indo-Pakistan iaitu golongan modenis yang dipimpin oleh Jinnah dan Liga Muslim serta golongan tradisionalis yang majoritinya kelompok *ulama*.<sup>135</sup> Kedua-dua golongan ini tidak dapat mencapai persefahaman sejak awal lagi. Melalui ucapan Jinnah sendiri menunjukkan bahawa beliau tidak sependapat dengan golongan *ulama* dan menyatakan bahawa “Pakistan would not be a ‘theocratic state’ ruled by ‘priests’.”<sup>136</sup> Perdebatan yang panjang di antara golongan modenis dan tradisionalis serta konflik identiti berakhir buat sementara waktu dengan pengumuman Perlembagaan Pakistan 1956 yang mengakui negara baru itu sebagai sebuah negara Islam dan dimasukkan fasal-fasal keislaman di dalamnya.<sup>137</sup>

<sup>134</sup> Ibid, hlm. 144.

<sup>135</sup> Kemal A. Faruki, “Pakistan : Islamic Government and Society”, hlm. 54.

<sup>136</sup> Mowahid H. Shah, “Pakistan, Islam and the Politics of Muslim Unrest”, dlm. Philip H. Stoddart, David C. Curtell dan Margaret W. Sullivan (eds.), Change and the Muslim World, New York : Syracuse University Press, 1981, him. 59.

<sup>137</sup> Aziz Ahmad dan G. E. Von Grunebaum, Muslim Self-Statement in India and Pakistan 1857-1968, hlm. 206.

Pertelingkahan golongan modenis dan tradisionalis bukanlah bermula semasa rang perlembagaan tahun 1956 sahaja tetapi, sebaik sahaja kemerdekaan Pakistan pada tahun 1947 yang memperlihatkan corak kepimpinan Pakistan daripada Universiti Aligarh. Ahli-ahli tradisionalis yang hidup dalam negara baru itu ataupun yang berpindah dari India amat berbeza pendapat dengan golongan modenis. Semasa debat Laporan Ahli Jawatankuasa Prinsip-Prinsip Dasar pada tahun 1952, *ulama* dari pelbagai sekolah pemikiran bersatu untuk mencadangkan pindaan yang menuntut supaya mereka diberikan kuasa veto bagi situasi kerajaan yang tertentu atau membolehkan untuk mempertimbangkan cadangan perundangan yang difikirkan tidak bersifat keislaman. Misalnya, dalam Jawatankuasa Zakat kelompok modenis mahukan isu *zakat* dirumus semula supaya lebih sesuai dengan peredaran zaman. Mereka mahukan *zakat* klasik yang ditetapkan ke atas unta dan kuda yang merupakan sejenis pengangkutan boleh disamakan dengan lori, bas kereta dan teksi pada masa ini. Golongan tradisionalis dengan kerasnya membantah dan menyatakan jika prinsip *zakat* yang sudah sedia ada ditukar, bermakna rukun-rukun Islam yang lain seperti sembahyang, puasa, dan menunaikan haji juga boleh diubah. Bagaimanapun, cadangan golongan majoriti ke atas Jawatankuasa Zakat itu tidak pernah diimplementasikan.<sup>138</sup>

---

<sup>138</sup> Kemal A. Faruki, "Pakistan : Islamic Government and Society", hlm. 56.

## Dekad 1971-1977

Kepimpinan General Ayub Khan berakhir pada tahun 1965. Kekalahannya di dalam perperangan India menuntut pembukaan semula sistem pengundian, dan menunaikan tuntutan kaum Benggali untuk kekuasaan di wilayah sendiri. Demonstrasi dan rusuhan berlaku pada tahun 1969 untuk menjatuhkan beliau dan Undang-Undang Ketenteraannya. Beliau dituduh terlalu terburu-buru berperang dengan India yang menyebabkan wujudnya Pakistan Timur atau Bangladesh pada tahun 1971.<sup>139</sup> Bagaimanapun, penubuhan negara Bangladesh yang merdeka bermakna tinggalan Pakistan yang ada tidak perlu risau lagi pada komitmen yang diberikan oleh sayap timur itu dan melihat sayap barat sebagai jantung masyarakat Islam di Timur Tengah.<sup>140</sup>

Pemerintahan Zulfikar Ali Bhutto di bawah parti PPP (Parti Rakyat Pakistan) telah berkuasa dari tahun 1970 hingga tahun 1977 dengan menggunakan slogan sosialisma. Bhutto sedar bahawa beliau sukar untuk mendapatkan sokongan majoriti dalam negara Islam itu kerana ketidakpercayaan golongan *ulama* terhadap perjuangan sosialis. Justeru, beliau mewujudkan slogan ‘sosialisma Islam’ dan menjadikan Islam sebagai ‘agama negara’ serta perlembagaan telah menamakan Pakistan sebagai Republik Islam dan dimulakan dengan ‘in the name of Allah’. Beliau cuba mengembalikan keyakinan masyarakat kepada kepentingan al-Quran dan al-Sunnah serta menjadikan pengajaran Quran dan *Islamiyat* sesuatu yang wajib di samping

<sup>139</sup> Ira M. Lapidus, *Contemporary Islamic Movement in Historical Perspective*, Berkeley : University of California, 1983, hlm 40-41.

<sup>140</sup> Kemal A. Faruki, “Pakistan : Islamic Government and Society”, hlm. 57.

memperkenalkan bahasa Arab serta penerapan nilai moral yang seragam.<sup>141</sup> Semua tindakan ini dilakukan untuk mendapatkan kembali sokongan golongan *ulama* yang terus bertahan dengan prinsip keislaman yang sejati.

Di bawah pimpinan Zulfikar Ali Bhutto, Persidangan Islam telah dianjurkan di Lahore pada tahun 1974. Sesungguhnya isu Islam itu menjadi lebih penting setahun kemudiannya lantaran keperluan untuk mendapatkan bantuan kewangan dan sokongan kuasa-kuasa Islam yang muncul pada waktu itu seperti Arab Saudi, Libya dan negara pengeluar minyak yang lain selepas berlakunya Perang Arab-Israel pada tahun 1973 dan krisis minyak antarabangsa.<sup>142</sup>

Semasa pemerintahan Bhutto, beliau telah mengumumkan mazhab Ahmadiyah sebagai minoriti bukan Islam pada tahun 1975. Pada akhir tahun tersebut juga kerajaan Bhutto berusaha untuk membangunkan keislamannya dengan mengumumkan larangan perjudian, lumba kuda, kelab malam, dan penggunaan alkohol. Tetapi, ini tidak mencukupi untuk menentang pihak pembangkang atas hal-hal keislaman dan mereka juga mendakwa bahawa setiap rejim baru tidak bersifat Islam. Gabungan 6 parti untuk mewujudkan parti PNA (Perikatan Kebangsaan Pakistan), membawa bersama-sama parti ulama tradisionalis, 1 neotradisionalis dan yang lain daripada pelbagai parti. Tuntutan untuk mewujudkan undang-undang Islam menjadi sesuatu yang penting kepada PNA. Kekacauan mula tersebar selepas kekalahan PNA semasa pilihanraya umum pada tahun 1977 dan dakwaan bahawa kerajaan Bhutto telah mengawal pilihanraya menjadi salah satu penyebab kejatuhan

<sup>141</sup> Asaf Hussain, "Islam and Political Integration of Pakistan", hlm. 72.

<sup>142</sup> Kemal A. Faruki, "Pakistan : Islamic Government and Society", hlm. 57.

beliau. Selain itu, perikatan *ulama* dan pedagang industri kecil dan sederhana yang menjadi mangsa nasionalisma Bhutto telah menyumbangkan dana untuk pergerakan anti-Bhutto.<sup>143</sup>

Pada tahun 1977, Zulfikar Ali Bhutto telah disingkirkan melalui rampasan kuasa tentera yang diketuai oleh General Zia ul Haq yang terkenal sebagai tokoh ‘revivalist-fundamentalist Islam’<sup>144</sup> dan kerajaan Pakistan di bawah pimpinannya dikenali sebagai kerajaan Islam.

---

<sup>143</sup> Ibid, hlm. 58.

<sup>144</sup> Mumtaz Ahmad, “Pakistan”, hlm. 231.